

AGENDA 5

Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

MAPT KE-44

AGENDA 5

Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

LATAR BELAKANG

2. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, KPF merekodkan keuntungan sebelum pembahagian berkanun, cukai dan zakat berjumlah RM157.14 juta berbanding RM57.76 juta bagi tempoh yang sama tahun 2023. Maklumat adalah seperti berikut:

Perkara	2024 RM'000	2023 RM'000
Keuntungan Sebelum Pembahagian Berkanun	157,138	57,763
Tolak: Pembahagian Berkanun		
(a) Kumpulan Wang Rizab Statutori (10.0%)	(15,713)	(5,776)
(b) Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi (2.0%)	(3,143)	(1,155)
(c) Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi (1.0%)	(1,571)	(578)
Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun	136,711	50,254
Tolak:		
Peruntukan Cukai	-	-
Peruntukan Zakat	(200)	-
Tolak: Pembahagian Lain		
(a) Peruntukan Honorarium Lembaga		
- Tahun Semasa	(150)	(150)
- Lebihan Peruntukan Tahun Terdahulu	150	50
(b) Kumpulan Wang Penebusan Syer (5.0%)	(6,836)	(2,513)
Keuntungan Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	129,675	47,641
Pelarasan Bukan Operasi	11,508	5,140
Keuntungan Bersih	141,183	52,781
Baki Minimum Modal Syer Anggota	2,150,000	2,176,558
Jumlah Dividen Boleh Agih	129,675	47,641
Kadar Dividen Boleh Agih	6.03%	2.18%
Kadar Dividen Diperuntukkan/Dibayar	5.50%	5.0%
Jumlah Dividen	118,250	108,850

ULASAN LEMBAGA

3. Sehingga 31 Disember 2024, purata baki modal syer minima anggota adalah RM2,150 juta. Kadar 1.0% dividen melibatkan jumlah agihan sebanyak RM21.50 juta. Berdasarkan kepada keuntungan bersih tahun semasa dan tanpa mengambil kira pelarasan bukan operasi adalah RM129.68 juta, dividen boleh agih adalah pada kadar 6.03% berbanding RM47.64 juta atau 2.18% bagi tahun 2023.

4. Pertimbangan bayaran dividen 2024 juga perlu mengambil kira kedudukan aliran tunai semasa, keperluan penyelesaian permohonan pengeluaran syer anggota yang tertunggak dan penggunaan tunai untuk modal pusingan aktiviti pelaburan dan perniagaan dalam memastikan kelangsungan operasi selari dengan pelan pendapatan mampan jangka panjang. Lembaga berpendapat sebahagian daripada keuntungan tahun semasa iaitu RM11.43 juta digunakan untuk tujuan tersebut.

SYOR

5. Mengambil kira keperluan tersebut, Lembaga ingin mengesyorkan perkara-perkara berikut:
- (a) KPF mengagih dividen pada kadar 5.5% berjumlah RM118.25 juta bagi tahun kewangan 2024;
 - (b) dividen dibayar berasaskan baki minima bulanan mengikut tempoh pegangan syer dalam tahun 2024;
 - (c) dividen dibayar secara tunai ke akaun modal syer anggota; dan
 - (d) permohonan pengeluaran dividen dibuat secara dalam talian (e-Dividen).
6. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.